

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI  
MASLAN [ PONTIAN ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan mengawal kenaikan kos sara hidup, kenaikan paras pengangguran rakyat secara keseluruhan, graduan tanpa kerja dan belia tidak berkemahiran serta menaikkan kualiti hidup rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dalam usaha untuk mengawal **kenaikan paras pengangguran rakyat termasuk graduan tanpa kerja dan belia**, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan yang berupaya membantu mereka mendapatkan pekerjaan. Antaranya adalah melalui pakej bantuan tambahan iaitu:

- i. **PERMAI** - Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia;
- ii. **PEMERKASA** - Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi;
- iii. **PEMERKASA Tambahan** - Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan; dan
- iv. **PEMULIH** - Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi.

Di samping itu, bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan, Kerajaan telah memperluaskan **Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencarum PERKESO** terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Bayaran elaun **sekurang-kurang RM300** akan diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs.

Kerajaan juga telah **memperluaskan skop insentif** pengambilan pekerja untuk meliputi **pekerjaan sementara dan pekerjaan gig** oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan **peruntukan RM300 juta** yang memanfaatkan 60 ribu pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan **menerima RM200** bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

Selain itu, **sejumlah RM125 juta** turut diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif ***Place and Train*** di bawah **Program Janapreneur** Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) terutama kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Kerajaan juga berusaha meningkatkan **ketersediaan** dan **kebolehpasaran** bakat melalui pemeraksanaan elemen kemahiran sendiri, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa melalui inisiatif berikut:

- (i) Platform ***UpskillMalaysia*** di bawah PSMB yang disediakan kepada golongan pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) Memperluaskan akses kepada warganegara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat **562 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)** yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri;
- (iii) **Nurturing EXpert Talent (MYNext):** MYNext adalah platform setempat bagi solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi Pendidikan. Fokus utama adalah untuk **merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*)**;

- (iv) **Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme - SIP*)** membuka serta menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui **insentif potongan cukai berganda**.

SIP telah memanfaatkan **lebih 90,000 bakat graduan** untuk menyempurnakan Latihan Industri secara lebih berstruktur bersama syarikat dan pemain industri tempatan;

- (v) **Young Employable Students (YES!)**: penyediaan bakat graduan sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik. Sejak dilaksanakan pada Oktober 2019, Inisiatif YES! telah memberi nilai tambah kepada lebih **10,000 bakat graduan di insitusi pengajian tinggi awam dan swasta**; dan

- (vi) **Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration - IAC*)**: Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia.

Bagi menyediakan belia berkemahiran dan meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kementerian Sumber Manusia juga komited untuk memberikan latihan kemahiran kepada rakyat Malaysia melalui tiga (3) kaedah iaitu:

- a. Latihan kemahiran melalui **Sistem Latihan Program Bertauliah** yang dilaksanakan sepenuhnya di pusat latihan. Sehingga 31 Ogos 2021, **terdapat 1,226 Pusat Bertauliah (PB)** awam dan swasta dan swasta yang menjalankan pelbagai program latihan berdasarkan NOSS di seluruh Negara.

## SOALAN NO : 13

- b. **Sistem Latihan Dual Nasional** yang menerapkan kaedah 70% latihan dalam industri dan 30% latihan di pusat latihan. Sehingga 31 Ogos 2021, **terdapat 258 pusat latihan dan 1,337 syarikat yang terlibat dalam pelaksanaan SLDN ini.**
  
- c. **Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)** kepada individu berdasarkan pengalaman kerja yang dimiliki tanpa melalui latihan formal berdasarkan tahap dan bidang kemahiran yang dimiliki. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak **209,678** Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) telah dianugerahkan kepada mereka yang layak diiktiraf pencapaian terdahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN ( BAKRI )

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU )

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyenaraikan *private medical practitioners* yang telah dilantik oleh ProtectHealth untuk mengendalikan PPV Mega dan berapakah kos urusan setiap dos vaksin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua,

1. Bagi mempercepatkan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggerakkan ProtectHealth Corporation, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh KKM untuk bertindak sebagai pelaksana dan penyelaras bagi penyertaan pengamal perubatan swasta dan NGO Penjagaan Kesihatan dalam PICK.
2. Menerusi pelaksanaan vaksinasi di 33 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega iaitu dengan kapasiti melebihi 3,000 dos sehari, sebanyak 57 syarikat pengamal perubatan swasta (*Healthcare Organiser* - HCO) telah dilantik oleh ProtectHealth di seluruh negara.
3. Pecahan HCO mengikut negeri adalah sebanyak:
  - (i) 19 di Selangor,
  - (ii) 13 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
  - (iii) 7 di Johor,
  - (iv) 4 di Terengganu,
  - (v) 3 di Kedah,
  - (vi) 2 di Sarawak,
  - (vii) 2 di Sabah,
  - (viii) 4 di Pulau Pinang, dan
  - (ix) 1 di Negeri Sembilan.
4. Berkaitan kadar bayaran, pengamal perubatan swasta (HCO) yang terlibat dalam PICK menerima RM14 bagi setiap dos vaksin yang diberikan.
5. Senarai HCO yang telah dilantik mengikut PPV Mega dan negeri adalah seperti berikut:

**SOALAN NO : 14**

<b>Bil.</b>	<b>Healthcare Organiser</b>	<b>Nama PPV</b>	<b>Lokasi PPV</b>
1	ASP Medic	Setia SPICE Convention Centre, Bayan Baru (HCO A)	P. Pinang
2	Borneo Medical Centre (BMC)	Borneo Convention Centre Kuching (HCO B)	Sarawak
3	BP Diagnostic Centre Sdn Bhd	World Trade Centre Kuala Lumpur (Station 1)	WP Kuala Lumpur
4	Care Clinic	The MINES International Exhibition & Convention Centre, Seri Kembangan, HCO C	Selangor
5	Central International Healthcare	Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru (HCO C)	Johor
6	Doc2us	Setia City Convention Centre, Shah Alam, HCO C	Selangor
7	GHHS Healthcare Ambulatory Centre	The MINES International Exhibition & Convention Centre, Seri Kembangan, HCO A	Selangor
8	Global Doctors	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO B	WP Kuala Lumpur
9	Health Junction	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO E	WP Kuala Lumpur
10	Health4U Solution Sdn. Bhd. (BookDoc)	World Trade Centre Kuala Lumpur (Station 2)	WP Kuala Lumpur
11	Healtopedia	Bangi Avenue Convention Centre, Bangi, HCO A	Selangor
12	Hospital Penawar	Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru (HCO A)	Johor
13	iHeal Health	Setia City Convention Centre, Shah Alam, HCO B	Selangor
14	IHH Healthcare	Setia City Convention Centre, Shah Alam, HCO A	Selangor



**SOALAN NO : 14**

15	International SOS	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO G	WP Kuala Lumpur
16	Klinik AS SALAM	Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur HCO A	WP Kuala Lumpur
17	Klinik Medipulse 24 Jam	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO H	WP Kuala Lumpur
18	Klinik Segara	MMU, Cyberjaya	Selangor
19	Klinik Yap and Partners	Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru (HCO B)	Johor
20	KPJ Healthcare	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO A	WP Kuala Lumpur
21	KPJ Puteri Specialist Hospital	MidValley Southkey, Johor Bahru, HCO A	Johor
22	Laurent Bleu Medical Clinic	UCSI, Cheras, Kuala Lumpur HCO A	WP Kuala Lumpur
23	MAHSA Health Sdn Bhd	MAHSA, Petaling Jaya, HCO A	Selangor
24	MB Perkasa	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO F	Selangor
25	Mediprima Healthcare	Hotel Wyndham Acmar Klang, HCO A	Selangor
26	Megaklinik Zahran	Ideal Convention Centre Shah Alam, HCO B	Selangor
27	Hana Clinic Group	Dewan Canselor MSU, Shah Alam	Selangor
28	Mutiara Gyne Care	SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC), Kota Kinabalu, HCO C	Sabah
29	Naluri Medical Centre	PPV MITEC, Kuala Lumpur, HCO C & Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, HCO B	WP Kuala Lumpur
30	NGT Solutions	Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur, HCO A	WP Kuala Lumpur
31	Klinik Sena	The MINES International Exhibition	Selangor

**SOALAN NO : 14**

		& Convention Centre, Seri Kembangan, HCO B	
32	Permai Polyclinics K.K.	SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC), Kota Kinabalu, HCO B	Sabah
33	Poklinik Gomez	KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur, HCO C	WP Kuala Lumpur
34	Poliklinik Perdana Langkawi	Langkawi International CC	Kedah
35	Poliklinik Shaik	Hotel Wyndham Acmar Klang, HCO B	Selangor
36	Poliklinik Sri Prima Group	Galaxy Mall Ampang, Hulu Langat	Selangor
37	Public Medicare Group (PMG)	Borneo Convention Centre Kuching (HCO A)	Sarawak
38	Klinik Menara	Setia SPICE Convention Centre, Bayan Baru (HCO B)	P Pinang
39	Putra Specialist Hospital Batu Pahat	Dewan Sultan Ibrahim UTHM, Batu Pahat, HCO A	Johor
40	Qualitas Medical Group	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi	Selangor
41	QueueMed Healthtech Sdn Bhd	Ideal Convention Centre Shah Alam, HCO A	Selangor
42	Sinaran EraMedic	Space U8, Bukit Jelutong	Selangor
43	Siti Healthcare Sdn Bhd	Universiti Malaya, Kuala Lumpur, HCO A	WP Kuala Lumpur
44	Sunway Medical Centre	Sunway Pyramid Convention Centre, HCO A	Selangor
45	U.N.I Klinik	PPV Dewan Jubli Intan, Muar	Johor
46	USIM Healthcare	USIM, Nilai, HCO A	Negeri Sembilan
47	Uzma Group	Bangi Avenue Convention Centre, HCO B	Selangor

**SOALAN NO : 14**

48	Vista Healthcare	Dewan Persatuan Soka Gakkai Klang	Selangor
49	U.N.I Klinik	Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, HCO A	Terengganu
50	Bayamedic Services	Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, HCO B	Terengganu
51	Kumpulan Klinik Safwa	Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Nerus, HCO A	Terengganu
52	Klinik Syed Badaruddin Sdn Bhd	Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Nerus, HCO B	Terengganu
53	Klinik Medi- Genesis	Setia Spice Convention Centre, Bayan Baru, HCO C	Pulau Pinang
54	Klinik Kempas Indah	Setia Spice Convention Centre, Bayan Baru, HCO D	Pulau Pinang
55	Poliklinik Hairudin	Sports Arena Amanjaya, Sungai Petani, HCO A	Kedah
56	U.N.I Klinik	Sports Arena Amanjaya, Sungai Petani, HCO B	Kedah
57	Gleanegles Hospital Medini Johor	Iskandar Malaysia Studio (IMS), Iskandar Puteri, Johor Bahru	Johor

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 15.9.2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 15**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi memastikan barangan keperluan harian seperti gula, minyak masak dan telur sentiasa mencukupi di pasaran memandangkan keperluan ini seringkali tidak mencukupi ekoran digunakan dalam senarai makanan yang dibekalkan di dalam bantuan bakul makanan.

**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa prihatin dan memastikan barangan keperluan harian seperti gula, minyak masak dan telur sentiasa mencukupi di pasaran domestik. Dakwaan barangan keperluan seperti gula, minyak masak dan telur tidak mencukupi untuk perbekalan dalam bantuan bakul makanan adalah tidak tepat sama sekali kerana Kementerian ini tidak menerima sebarang aduan kekurangan bekalan barang keperluan tersebut.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian ini bagi memastikan barangan keperluan asas seperti gula, minyak masak dan telur sentiasa mencukupi di pasaran adalah seperti berikut:

- a) Menjalankan **pemeriksaan harian ke premis-premis perniagaan runcit, borong dan juga pengilang** bagi memantau tahap keberadaan (*availability*) dan kedudukan bekalan 10 jenis barangan asas di pasaran. Kementerian memantau ke atas 2,711 peruncit daerah terpilih, 1,039 pemborong daerah terpilih dan 223 pengilang daerah terpilih yang meliputi 222 Parlimen dan 576 DUN.
  
- b) Mewujudkan **pangkalan data perbekalan barangan keperluan asas** melalui mekanisma kutipan data pengeluaran, pengedaran dan kedudukan bekalan daripada peniaga-peniaga terpilih. Hasil analisa data-data tersebut akan diterjemah dalam

bentuk *trend* pengeluaran, pengedaran dan kedudukan bekalan bagi memantau situasi semasa bekalan barangan di pasaran.

- c) Memberi kebenaran kepada peniaga (peruncit dan pemborong) yang terlibat dengan Program Bantuan Bakul Makanan untuk **menambah stok simpanan (*stockpile*) barang kawalan sehingga 30 peratus (%)** melebihi had simpanan dalam syarat lesen. Langkah ini diharapkan dapat menangani masalah kekurangan bekalan di samping membantu melancarkan program kerajaan bagi membantu rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

**Yang di-Pertua,**

Sebagaimana sedia maklum, Kementerian tidak menggalakkan penggunaan minyak masak bersubsidi sebagai item bantuan bakul makanan kerana ianya dikhususkan kepada rakyat melalui jualan secara runcit. Membenarkan penggunaan minyak masak bersubsidi sepenuhnya bagi bantuan bakul makanan akan menyebabkan kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB NOR AZRINA BINTI SURIP (MERBOK)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab permohonan anak-anak warganegara yang dilahirkan di luar negara daripada wanita warganegara Malaysia di bawah Perkara 15(2) ditolak secara rutin oleh Kementerian, walaupun adik beradik mereka yang dilahirkan dan didaftarkan menggunakan proses yang sama telah memperoleh kewarganegaraan Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara kepada ibu bertaraf warganegara Malaysia dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahataran anak dan peraturan imigresen. Dalam hal ini, pertimbangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.

Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti secara *case-by-case* dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan serta perundangan lain yang berkuatkuasa.

Permohonan kewarganegaraan dikemukakan secara berasingan dengan kandungan maklumat dan dokumen sokongan yang berbeza-beza, maka hasil penilaian dan pertimbangan juga adalah berbeza mengikut keperluan, bukti dan fakta kes berdasarkan maklumat yang diberikan. Sukacita diingatkan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Ingin ditegaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah bagi mengatasi isu penyalahgunaan atau penipuan sijil digital vaksinasi COVID-19 dan tindakan undang-undang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengatasi isu penyalahgunaan atau penipuan sijil digital, konsumer dan pemilik premis dinasihatkan untuk memeriksa sijil digital vaksinasi COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera di bahagian *profile* dan bukan secara tangkap paparan.
2. Sekiranya seseorang pemilik sijil digital mendapati sijilnya disalahgunakan atau berlaku pemalsuan sijil manual, individu atau mana-mana pihak yang mengetahui mengenai penyalahgunaan atau pemalsuan tersebut boleh membuat laporan kepada pihak polis.
3. Kerajaan juga telah membangunkan satu aplikasi verifikasi yang dinamakan Verifier App yang boleh membaca kod QR vaksin MySejahtera untuk tujuan pengesahan oleh penguatkuasa atau sesiapa sahaja yang memuat turun aplikasi ini daripada Appstore.

Sekian terima kasih